

# Suntik semangat bekerja penuh iltizam

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 7 Mei. - Para penerima Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan Pingat Kehormatan tersebut pada majlis yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Salah seorang penerima pingat kehormatan, Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B), Dayang Nani binti Busrah ketika ditemui bual melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia Pingat Kehormatan tersebut.

Dayang Nani yang bertugas sebagai Pegawai Jururawat di Jabatan Kecemasan, Hospital Suri Begawan (HSSB), Kementerian Kesihatan berkata banyak pengalaman yang diperoleh dan dilalui sepanjang 18 tahun berkhidmat.

Pengalaman-pengalaman itu tambahnya, telah dijadikan sebagai satu pengajaran bagi mereka yang bertugas di bidang kejururawatan ini, iaitu dari segi penjagaan

pesakit, memastikan pesakit-pesakit itu dalam keadaan yang sangat baik sehingga mereka keluar dari wad, klinik atau jabatan kecemasan.

Beliau seterusnya menyarankan agar para belia yang bermintat untuk berkhidmat sebagai jururawat untuk mengambil peluang yang ada kerana pihak mereka memerlukan lebih ramai jururawat tempatan untuk berbakti kepada masyarakat.

Seorang lagi penerima pingat Kehormatan P.I.K.B, Dayang Surai binti Haji Nudin, 60 tahun, berkata pengalaman bekerja setentunya ada manis dan pahit, namun beliau masih mampu untuk menjalankan tugas-tugas yang diarahkan dengan baik.

Beliau yang telah berkhidmat di Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selama 32 tahun dan kini telahpun bersara menyarankan agar mereka yang baharu atau masih lagi berkhidmat di sektor Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan tugas-tugas dengan ikhlas, jujur dan amanah.

"Saya bersyukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan terima kasih kepada pihak jabatan kerana memilih atau mencalonkan diri saya walaupun saya sudah pencegah. Alhamdulillah, kerja yang dibuat dan dijalankan selama ini telah diharga,"

jelasnya lagi.

Sementara itu, penerima seterusnya, Awang Mohammed Yussof bin Mohamed Noor yang bertugas di Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, selama 22 tahun berkata, cabaran-cabaran yang dilalui semasa bekerja harus dihadapi dengan kekuatan mental dan fizikal termasuk memberi semangat pada diri sendiri untuk terus bertahan.

Beliau melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan pingat tersebut.

Menurutnya lagi, dengan pengurniaan pingat P.I.K.B ini setentunya menyuntik semangat untuk terus bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh, sesuai untuk menjayakan Wawasan 2035.

Perasaan gembira turut dikongsikan bersama oleh Dr. Awang Abdurrahman Raden Aji Haqqi, yang mana ketika ditemui berkata kita mestinya bekerja sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau yang merupakan seorang Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), seterusnya berkata kita mestilah melaksanakan kerja yang telah diamanahkan dengan sebaik-baiknya.

Pingat yang dikurniakan ini jelasnya, akan dijadikan sebagai penyuntik semangat agar terus giat untuk bekerja dengan penuh komitmen, iltizam dan penuh kesabarannya.



DAYANG Surai binti Haji Nudin dari Jabatan Muzium-Muzium Brunei.



AWANG Mohammed Yussof bin Mohamed Noor dari Jabatan Pengajian Islam.



PENSYARAH Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang di UNISSA, Dr. Awang Abdurrahman Raden Aji Haqqi.



PEGAWAI Jururawat di Jabatan Kecemasan, Hospital Suri Seri Begawan, Kementerian Kesihatan, Dayang Nani binti Busrah.

# BLNG bantu rakyat kurang upaya

Berita dan Foto :  
Hernie Suliana Haji Othman

**KUALA BELAIT,** Selasa, 8 Mei. - Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) menyumbangkan sebanyak enam buah kerusi roda kepada Hospital Suri Seri Begawan (SSB), sebagai fokus utama pelaburan sosial syarikat tersebut, khususnya dalam membentuk kemahiran ke arah meningkatkan keupayaan rakyat yang kurang bernasib baik.

Kerusi-kerusi roda tersebut merupakan hasil dari aktiviti-aktiviti mengumpul dana oleh kakitangan BLNG sempena Hari Kesihatan Sedunia pada April lalu yang diisikan dengan aktiviti-aktiviti Program Cara Hidup Sihat dan jualan hidangan sihat.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Pengurus

Perundangan BLNG, Awang Haji Mohd. Husini bin Haji Bakar kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital SSB, Awang Haji Abdul Khalid As'ari bin Haji Azahari pada majlis yang berlangsung di Bilik Kuliah, Hospital SSB, di sini.

Syarikat BLNG komited dalam menyumbang ke arah pembangunan mapan, dengan melibatkan keseimbangan dari segi kepentingan jangka pendek dan jangka panjang, serta mencapadukan pertimbangan sosial ekonomi dan alam sekitar di dalam membuat keputusan perniagaan.

Pelaburan strategik sosial juga adalah selaras dengan inspirasi Brunei LNG untuk menyokong Rancangan Pembangunan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam, iaitu Wawasan Brunei 2035, dan sumbangan

scumpamanya merupakan salah satu cara untuk menyumbang kembali kepada masyarakat sebagai sebahagian daripada

pelaburan sosial korporat. Turut hadir, Pengusaha Perubatan, Dr. Dayang Hajah Riamiza Natalie binti Haji

Momin, ketua-ketua jabatan, bahagian dan unit dari perkhidmatan - perkhidmatan Hospital SSB.



PENGURUS Perundangan BLNG, Awang Haji Mohd. Husini bin Haji Bakar menyampaikan sumbangan kerusi roda yang diterima oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital SSB Awang Haji Abdul Khalid As'ari bin Haji Azahari (kanan).



# LENSA

Awad kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang suguhan BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang:  
1) 'Sukarelawan' - Tarikh Tutup : 12 Mei 2018  
2) 'Sukan dan Riadah' - Tarikh Tutup : 28 Mei 2018  
3) 'Hijau' - Tarikh Tutup : 9 Jun 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.

